

APO-ATENOL TABLETS

Atenolol (50mg, 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Atenol
2. Bagaimana Apo-Atenol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Atenol
4. Cara menggunakan Apo-Atenol
5. Semasa menggunakan Apo-Atenol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Atenol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Apo-Atenol

Apo-Atenol boleh digunakan untuk :

- Tekanan darah tinggi
- Gejala sakit dada (angina)

Bagaimana Apo-Atenol berfungsi

Apo-Atenol tergolong dalam kelas ubat yang digelar “beta-blockers”. Atenolol berfungsi dengan menyekat aktiviti sesetengah bahan kimia (hormon) pada bahagian jantung dan saluran darah dan mempengaruhi kadar degupan jantung dan kadar kerja jantung.

Sebelum menggunakan Apo-Atenol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan produk ini jika anda mempunyai apa-apa kegagalan / komplikasi / masalah jantung kerana produk ini mungkin menyebabkan tekanan yang lebih pada jantung anda. Ini termasuk *sinus bradycardia* (kadar denyutan jantung menurun), sekatan atrioventrikular / *AV block* (kemerosotan konduksi antara ruang-ruang di dalam hati). Jika anda mempunyai keraguan tentang isu ini, bincang dengan pakar kesihatan anda sebelum mengambil produk ini.

Jangan ambil Apo-Atenol jika anda alergi kepada atenol (hipersensitif) atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam pil

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Atenol jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Atenol jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula menggunakan ubat ini, anda harus memberitahu doktor anda jika anda mempunyai:

- Sebarang keadaan perubatan, seperti *thyrotoxicosis* (hormon tiroid berlebihan dalam badan), penyakit kencing manis, masalah fungsi buah pinggang, atau mana-mana penyakit jantung.

-sebarang pembedahan yang terancang dalam masa terdekat, atau baru sahaja menjalani pembedahan, sama ada pembedahan yang kecil atau besar.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda tidak dinasihatkan untuk mengambil kombinasi ubat yang terdiri daripada 2 atau lebih *beta-blocker* pada masa yang sama. Jika anda mengambil ubat ini sebelum ini dengan *clonidine*, dan diberitahu untuk menghentikan *clonidine*, anda perlu menghentikan pengambilan *atenolol* beberapa hari sebelum penghentian *clonidine*, kerana kehadiran *beta-blocker* akan memburukkan kesan pemberhentian (*withdrawal*) *clonidine*.

Beritahu doktor anda jika anda menerima ubat mengawal *catecholamine* seperti *reserpine* atau *guanethidine* (untuk mengawal tekanan darah tinggi).

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Apo-Atenol

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Doktor anda akan menyelaraskan dos anda berdasarkan keperluan individu. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat

anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos permulaan adalah 50mg sekali sehari. Dos boleh ditingkatkan kepada 100mg sekali sehari jika tindakbalas sesuai tidak dicapai.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil secara berlebihan ubat-ubatan ini boleh menyebabkan bradikardia (kadar degupan jantung yang lebih rendah), kegagalan jantung kongestif (kuasa mengepam jantung menjadi lemah), tekanan darah rendah, hipoglisemia (paras gula darah rendah) atau mungkin bronkospasma (penyempitan saluran udara mendadak).

Semasa menggunakan Apo-Atenol

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Atenol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
Jangan berkongsi Apo-Atenol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Atenol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang biasa termasuk: pening, gayat, keletihan, cirit-birit dan loya.

Kesan sampingan yang paling serius adalah kegagalan jantung kongestif (fungsi jantung sebagai pam terganggu), AV block (kemerosotan konduksi antara ruang-ruang di dalam jantung) dan bronkospasma (pengecutan saluran pernafasan menyebabkan saluran pernafasan

terhalang).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers →Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Atenol

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan Apo-Atenol ke bawah suhu 30°C, jauhi dari cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

- APO-ATENOL 50 mg: Tablet berwarna putih, berbentuk bulat, rata permukaan dengan tepi yang serong, perkataan "APO" diukir pada satu permukaan dan "ATE" atas skor "50" diukir pada sebelah permukaan yang lain.
- APO-ATENOL 100 mg: Tablet berwarna putih, berbentuk bulat, rata permukaan dengan tepi yang serong, perkataan "APO" diukir pada satu permukaan dan "ATE" atas skor "100" diukir pada sebelah permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Atenolol (50mg dan 100mg masing masing)

- Bahan tidak aktif
Lactose Monohydrate, Croscarmellose sodium, Stearic Acid Microcrystalline cellulose, magnesium stearate, crospovidone dan colloidal silicon dioxide.

- Nombor MAL

Apo-Atenol 50mg tab
MAL 19984699ARZ

Apo-Atenol 100mg tab
MAL19984712ARZ

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

11 Sep 2019

Nombor siri

NPRA(R2/1)190905/241